



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِوَيْبَرِئَتِي إِسْلَامًا أَبْنَاءَ رَجَائِنَا مِلْدِينًا

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

PERBICARAAN KES-KES SYARAK DALAM ATM DI
MAHKAMAH TENTERA: CADANGAN DAN SEKATAN
PERLAKSANAANNYA

DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY

BY
MAT SUKRI BIN HJ. YUNUS
Management Services Division

.....
Date Received : *16/11/98 nmp.*.....

DR. BADRUL AMIN BIN BAHARON

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA
UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

KULLIYYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

SEPTEMBER 1998

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana cadangan dan kepentingan pelaksanaan perbicaraan kes-kes syarak di mahkamah tentera mendapat perhatian dan tindakan dari pihak-pihak yang berkenaan. Di samping itu ia juga berkaitan dengan kewujudan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dalam melaksanakan program penerapan nilai-nilai Islam dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang membantu ke arah pengurangan kes-kes syarak dan gejala sosial.

Kajian ini mengandungi empat bab, selain daripada pendahuluan dan penutup. Dalam bab pendahuluan diterangkan tentang penubuhan ATM dan kepentingannya kepada negara. Dalam bab ini penumpuannya diberikan kepada kepentingan dan keperluan sesebuah angkatan tentera terhadap kerajaan dan masyarakat.

Bab kedua menerangkan bagaimana sejarah bermulanya mahkamah tentera dalam ATM yang boleh membantu meningkat disiplin anggota-anggotanya. Ianya membincangkan sejarah penubuhan, kepentingannya dalam perkhidmatan tentera serta bidang tugas dan peranannya dalam perkhidmatan ketenteraan khususnya ATM.

Bab ketiga, perbincangan terhadap kewujudan KAGAT yang banyak memberi sumbangan ke arah pengendalian disiplin anggota-anggota tentera serta sebagai jentera pelaksanaan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan ketenteraan. Kewujudannya juga dilihat sebagai pembendung terhadap kemunculan ajaran-ajaran sesat dan

pembenteras gejala-gejala keruntuhan moral dalam ATM. Penubuhan KAGAT dilihat boleh membantu menyelesaikan masalah kekeluargaan dalam ATM khususnya berhubung dengan masalah moral dan sosial.

Bab keempat membincangkan cadangan dan kepentingan pelaksanaan perbicaraan kes-kes syarak dalam mahkamah tentera. Pelaksanaan itu adalah penting kerana ia dapat membantu banyak pihak dalam menyelesaikan persoalan kekeluargaan dalam ATM sebagaimana yang dibincangkan dalam bab ini.

Bab kelima menjelaskan cabaran dan sekatan terhadap pelaksanaan perbicaraan kes-kes syarak di mahkamah tentera. Ia melibatkan halangan untuk mengada dan melaksanakan perbicaraan kes-kes syarak kerana terdapat beberapa sekatan yang menyebabkan pelaksanaannya tertangguh sehingga sekarang ini.

Dalam bab terakhir pula, perbincangan ditumpukan terhadap betapa pentingnya perbicaraan kes-kes syarak dilaksanakan di mahkamah tentera. Ia dilihat dapat membantu institusi kehakiman awam menyelesaikan kes-kes yang tertangguh di mahkamah syariah negeri-negeri. Justeru itu pelaksanaan perbicaraan tersebut perlu dan mesti dilaksanakan di mahkamah tentera bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh mahkamah syariah sekarang ini.

PENGAKUAN

SAYA AKUI KARYA INI ADALAH HASIL KERJA SAYA SENDIRI
KECUALI NUKILAN-NUKILAN DAN RINGKASAN-RINGKASAN YANG
TIAP-TIAP SATUNYA TELAH SAYA JELASKAN SUMBERNYA

1hb. September 1998


(-----)
(MAT SUKRI BIN HJ. YUNUS)

PENGHARGAAN

Bismillāh al-Rahmān al-Rahīm. Al-Ḥamdu lillāh Rabbi al-ʿĀlamīn. Wa al-Ṣalātu wa al-Ṣalāmu ʿalā Rasūlillāh wa ʿalā Ālihī wa Ṣahbihī ajmaʿīn.

Al-Ḥamdu lillāh, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia, taufik dan hidayahnya dapat saya hasilkan kajian ini dengan sebaik mungkin.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia kajian saya, Dr. Badrul Amin bin Hj. Bahron yang banyak memberi bimbingan, pandangan, tunjuk ajar dan teguran yang membina sehinggalah terhasilnya kajian ini.

Seterusnya ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat semua pensyarah di Kulliyah Undang-Undang yang selama ini telah mencurahkan segala ilmu dan bakti sepanjang pengajian saya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1997 – 1998). Semoga Allah memberkati segala jasa dan pengorbanan kalian.

Ucapan ribuan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan dan rakan-rakan sepejabat yang memberi dorongan dan harapan dalam usaha menyiapkan kajian ini terutama sekali Pegawai Staf Satu KAGAT Leftenan Kolonel Hj. Jamil Khir bin Baharom yang sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian. Seterusnya kepada Leftenan Kolonel Syed Ismail bin Syed Omar yang sering membantu dan memberi tunjuk ajar dalam merangka dan menganalisis kajian ini sehingga dapat disiapkan dengan jayanya dan seterusnya kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung.

Sekalung ingatan untuk isteri tercinta, anak-anak tersayang Syuhada, Syazwani, Syamila, Shahir dan Shahmi yang sanggup berkorban berkongsi kasih sayang. Pengorbanan kalian memberikan semangat untuk bapamu terus berjuang dan berjaya dalam pelajaran *I love you all* serta terima kasih kerana memahami tugas ini.

Wassalam.

*Mat Sukri bin Hj. Yunus
Jabatanarah Kor Agama Angkatan Tentera,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR.*

*242 Jalan Samudra Timor 9,
Taman Samudra,
68100 BATU CAVES,
Selangor Darul Ehsan.*

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	vi
KAEDAH TRANSLITERASI	x
SINGKAT KATA	xi
BAB I Pengenalan kepada ATM	1
Pengenalan	1
Sejarah penubuhan ATM	3
Struktur Pentadbiran ATM	6
Keperluan ATM kepada negara	7
Kesimpulan	11
BAB II PENUBUHAN MAHKAMAH TENTERA	12
Pendahuluan	12
Sejarah penubuhan mahkamah tentera	13
Kedudukan mahkamah tentera dalam Perlembagaan Persekutuan	14
Bidang kuasa mahkamah tentera	15
1. Bidang kuasa serentak	17
2. Bidang kuasa wilayah	18
3. Situasi peperangan	19
4. Pengekalan disiplin	19

	Sumber undang-undang tentera	20
	Struktur mahkamah tentera	21
	Kemudahan asas mahkamah tentera	22
	Kesalahan-kesalahan yang dibicarakan di mahkamah tentera	23
	Kesalahan-kesalahan yang dibicarakan	23
	Kepentingan mahkamah tentera dalam ATM	27
	Kesimpulan	28
AB III	MAHKAMAH TENTERA DAN HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN AGAMA	29
	Pendahuluan	29
	Penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera(KAGAT)	31
	Penubuhan KAGAT ke arah mengurangkan kes-kes syarak dalam ATM	33
	Kes-kes syarak yang sering berlaku dalam ATM	36
	Kes-kes syarak yang selalu dibicarakan di mahkamah syariah negeri-negeri yang melibatkan anggota tentera	39
	Kesimpulan	41
AB IV	CADANGAN DAN KEPENTINGAN PERLAKSANAAN PERBICARAAN KES-KES SYARAK DALAM MAHKAMAH TENTERA	42
	Pendahuluan	42
	Prosedur dan amalan pelaksanaan mahkamah tentera	43
	1. Kanun Keseksaan	43
	2. Prosedur perbicaraan	44
	3. Undang-undang Keterangan	45
	4. Duluhan kehakiman	45

5.	Adat resam perkhidmatan	46
	Cadangan-cadangan untuk melaksanakan perbicaraan kes-kes syarak di mahkamah tentera	47
1.	Meminda <i>Akta Angkatan Tentera 1972</i>	47
2.	Persidangan mahkamah tentera	48
3.	Banyak kes-kes tertangguh di mahkamah syariah	51
4.	Mempercepatkan proses perbicaraan	54
5.	Memudahkan anggota tentera	55
6.	Memudahkan keluarga anggota	56
	Kepentingan dan keperluan pelaksanaan kes-kes syarak dalam mahkamah tentera	58
1.	Memantapkan pentadbiran undang-undang dalam perkhidmatan ATM	58
2.	Kepentingannya terhadap anggota tentera	58
3.	Kepentingannya terhadap masyarakat dan keluarga anggota	59
4.	Menyenangkan pelaksanaan mahkamah syariah negeri-negeri	61
5.	Memperluaskan bidang kuasa mahkamah tentera	61
6.	Penyelarasan enakmen hukum Islam negeri-negeri	63
	Kes-kes yang dicadangkan untuk dibicarakan di mahkamah tentera	65
	Kesimpulan	65
BAB V	CABARAN DAN SEKATAN PERLAKSANAAN PERBICARAAN KES-KES SYARAK DI MAHKAMAH TENTERA	67
	Pendahuluan	67
	Cabaran-cabaran dan sekatan pelaksanaan	68
1.	Tidak ada peruntukan undang-undang	68

a.	Perlembagaan Persekutuan	68
b.	<i>Akta Angkatan Tentera</i>	69
c.	Enakmen hukum sharak negeri-negeri	70
2.	Profesion peguam syarie dalam ATM	73
3.	Perkembangan kes-kes yang mencabar	74
	Kesimpulan	75
BAB VI	RUMUSAN DAN PENUTUP	77
	BIBLIOGRAFI	82
	KEMBARAN	85

JADUAL KAEDAH TRANSLITERASI

a untuk	ا	r untuk	ر	f untuk	ف
b untuk	ب	z untuk	ز	q untuk	ق
t untuk	ت	s untuk	س	k untuk	ك
th untuk	ث	sh untuk	ش	l untuk	ل
j untuk	ج	ṣ untuk	ص	m untuk	م
h untuk	ح	ḍ untuk	ض	n untuk	ن
kh untuk	خ	ṭ untuk	ط	w untuk	و
d untuk	د	ẓ untuk	ظ	h untuk	ه
dh untuk	ذ	untuk	ع	y untuk	ي
		gh untuk	غ		

VOKAL PANJANG

ā untuk	ا
ī untuk	ي
ū untuk	و

VOKAL PENDEK

a
i
u

DIPHTHONGS

au untuk	اُ
ai untuk	ي

DOUBLED

uwwa untuk	وَو
iyya untuk	يَي

Pengecualian – Perkataan “Allah” jika bersambung dengan perkataan lain di depannya, kedua-dua perkataan itu disambungkan seperti “lillahi”, “Rasulullah” dan sebagainya.

SINGKAT KATA

Bil.	:	Bilangan.
Cet.	:	Cetakan.
Dr.	:	Doktor
En.	:	Encik.
hal.	:	Halaman.
Hb.	:	Haribulan.
Hj.	:	Haji.
Jil.	:	Jilid.
R.A.	:	Radiyallahu Anh/Anha/Anhum.
Sek.	:	Seksyen.
S.W.T.	:	Subhanahu wa Ta ala.
S.A.W.	:	Sallallahu Alaihi wa Sallam.
Terj.	:	terjemahan.

BAB PERTAMA
PENGENALAN KEPADA ATM

BAB PERTAMA

PENGENALAN KEPADA ATM

Pendahuluan

Pembentukan sesebuah angkatan tentera bukanlah sebagai persediaan untuk menghadapi dan mengharungi sesuatu peperangan atau menunjukkan kekuasaan dan kekuatan ketenteraan sesebuah negara kepada negara lain. Pembentukan itu merupakan langkah negara menjaga keamanan dan kedaulatan negara, malah ia juga dilihat untuk menjamin kedaulatan agama, masyarakat dan negara. Sejarah Islam telah menjelaskan bahawa pembentukan tentera Islam oleh Rasulullah S.A.W. adalah di atas desakan penganiayaan dan pengkhianatan musuh-musuh Islam terhadap baginda Rasulullah S.A.W. Pengkhianatan dan penganiayaan itu menyebabkan Allah S.W.T. telah menurunkan wahyu kepada Rasulullah S.A.W. untuk membentuk sebuah angkatan tentera demi kepentingan agama, bangsa dan negara sebagaimana dalam firmanNya¹:

¹ al-Quran, Surah al-Anfal, 8: 60

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ
تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ
اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ
وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

Maksudnya: Sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya.

Berdasarkan ayat ini Rasulullah S.A.W. telah memperkukuhkan kekuatan tentera Islam, biasanya Rasulullah S.A.W. mengutamakan orang yang menyertai peperangan dengan hati yang ikhlas dan secara sukarela, mereka diberi keutamaan untuk menyertai Rasulullah S.A.W. di dalam peperangan. Mereka yang merasa keberatan tidak akan diambil oleh Baginda sebaliknya Baginda berkata kepada para sahabat: "*Biarkanlah mereka itu, kiranya ada sesuatu kebaikan pada mereka maka Allah akan menyertakan mereka, kalau tidak maka Allah menyelamatkan kamu dari mereka*"².

²Osman Hj. Khalid, *Sistem Sosial Dan Pertahanan Dalam Islam*, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur 1986, hal. 54.

Sejarah Penubuhan Angkatan Tentera Malaysia

Berteraskan konsep yang dipelopori oleh Rasulullah S.A.W, ATM yang kini telah berkembang menjadi tiga perkhidmatan Darat, Laut dan Udara mempunyai suatu sejarah yang bermula secara sederhana pada 1hb. Mac 1933 setelah bacaan kali kedua ke atas Enakmen No. 11 Tahun 1933, *Akta Penubuhan Askar Melayu* dijadikan undang-undang dan diwartakan. Akta ini telah dibentangkan dalam persidangan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 23hb Januari 1933³ untuk membincangkan penubuhan Askar Melayu. Pewartaan undang-undang ini memulakan titik penubuhan kompeni percubaan (*experimental company*) Askar Melayu DiRaja yang terdiri daripada 25 orang anak muda melayu sebagai memenuhi hasrat para pemimpin melayu pada waktu itu untuk mewujudkan suatu kekuatan tentera yang boleh mempertahankan negara.

Kewujudan Askar Melayu Di Raja adalah teras kekuatan angkatan tentera sejak mula ditubuhkan sehingga hari ini. Kompeni percubaan yang ditubuhkan pada 1hb. Mac 1933 itu diperbesarkan dengan bertambahnya beberapa kompeni lagi sebelum Perang Dunia Kedua dan terus menyertai tentera British untuk menentang kemaraan Jepun pada tahun 1941. Pasukan Askar Melayu yang baru ditubuhkan ini merupakan sebuah pasukan tentera yang elit dan unggul. Walaupun ia dianggap sebagai pasukan percubaan oleh kerajaan British ketika itu namun semangat kepahlawanan dan keperwiraan yang ditunjukkan oleh anggota-anggota mencerminkan bahawa kebolehan anak watan Melayu tidak boleh dipertikai dan

³Tan Sri Datuk Samad Said, *Askar Melayu 50 Tahun*, Pustaka Budiman, Kuala Lumpur 1983, hal. 85.

dipermainkan oleh semua pihak. Kejayaan 25 orang anak Melayu ini di dalam kompeni percubaan telah menyakinkan pihak Inggeris untuk menambah bilangan kekuatannya⁴ serta terus memperkembangkan Askar Melayu yang berpangkalan di Depot Askar Melayu, Port Dickson. Askar Melayu merupakan teras kekuatan angkatan tentera bukan hanya dari segi bilangan rejimennya yang banyak malah perwiranya yang memegang berbagai jawatan penting dalam angkatan tentera.

Peranan dan tugas Askar Melayu ketika mula ditubuhkan telah banyak mengharungi pahit getirnya dengan pengorbanan sebilangan besar anggotanya yang berjuang untuk mempertahankan tanah air dari dijajah oleh musuh-musuh negara khususnya kemaraan tentera Jepun yang mendarat di Tanah Melayu pada awal pagi 8hb. Disember 1941⁵ yang terkenal dengan kezaliman dan kejahatan serta tidak berperikemanusiaan. Lantaran kemaraan tentera Jepun itu ramai di antara anggota Askar Melayu yang hilang dan tidak ditemui sehingga ke hari ini. Banyak peristiwa dan sejarah telah dipaparkan kepada masyarakat tentang keberanian dan keperwiraan serta kepahlawanan Askar Melayu suatu ketika dahulu. Anggota-anggotanya sanggup berkorban nyawa dan harta benda serta sanggup meninggalkan keluarga tercinta demi kedaulatan sebuah negara. Malah ada di antara mereka yang ditawan oleh tentera Jepun ketika penjajahan Jepun di Tanah Melayu ketika itu dan telah dijadikan sebagai buruh paksa untuk membina landasan keretapi di Burma dan Thailand. Mereka yang terlibat dalam beberapa pertempuran ngeri ketika menggadaikan nyawa untuk mempertahankan maruah bangsa, agama dan tanahair kebanyakannya masih hidup

⁴Kapten Fadzlette Othman Merican, *Sejarah Rejimen Askar Melayu DiRaja*, Patriot - Warta Angkatan Tentera Malaysia, Bil. 4/1993, hal. 7.

⁵Wan Hashim Wan Teh, *Perang Dunia Kedua, Peranan Gerila Melayu Force 136*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal. 5.

lagi⁶. Selain dari gambaran mengenai keperwiraan bangsa Melayu, sejarah perkembangan Askar Melayu juga memperlihatkan kegigihan pembesar-pembesar Melayu dalam usaha membentuk pasukan Askar Melayu ini⁷.

Dalam erti kata lain dapatlah diibaratkan pasukan Askar Melayu itu sendiri sebagai cetusan dari semangat nasionalisme melayu diperingkat awal lagi, sambung menyambung dari satu generasi ke satu generasi lain laksana "*patah tumbuh hilang berganti*" menegakkan ibu pertiwi⁸.

Anak Melayu yang pertama memegang jawatan Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia (sekarang Panglima Angkatan Tentera) ialah Jeneral Tan Sri Tunku Osman bin Tunku Muhd Jawa. Beliau mengambil alih jawatan tersebut dari Jeneral Rodney Moore dalam bulan Januari 1964⁹.

Keunggulan Askar Melayu telah membawa kepada kemerdekaan negara dan seterusnya memberikan pengharapan kepada rakyat Malaysia untuk merasai kehidupan yang aman dan damai. Keutuhan Askar Melayu yang membawa kepada perkembangan besar dalam sejarah Angkatan Tentera Malaysia tidak dapat dilupakan oleh pejuang-pejuang Melayu dahulu dan sekarang.

⁶Tan Sri Datuk A. Samad Said, *Askar Melayu 50 Tahun*, hal. xxiii

⁷*Ibid.*, hal. xxiii

⁸*Ibid.*, hal. xxiii

⁹*Ibid.*, hal. xxxiv

Berkat kesabaran dan keberanian anggota-anggota tentera kita yang telah menyelamatkan maruah negara dari terus dijajah oleh pihak musuh dan seterusnya pada 31hb. Ogos 1957 negara telah mencapai kemerdekaan, maka ATM dengan kerjasama kerajaan Malaysia telah menganugerahkan banyak pingat-pingat kebesaran dan keberanian kepada anggota tentera yang berjasa dan mengharumkan nama negara sama ada yang telah terkorban mahu pun yang masih hidup. Hingga kini terdapat seramai 24 orang penerima pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P)¹⁰. Manakala bagi penerima pingat Panglima Gagah Berani (P.G.B) pula seramai 78 orang¹¹.

Berdasarkan pengiktirafan ini menggambarkan kepada kita bahawa ATM adalah aset terpenting dalam pembangunan dan pertahanan negara. Dari pengiktirafan itulah ATM telah diberi keutamaan dalam pembangunan negara untuk terus berkembang menjadi sebuah angkatan tentera yang mantap dan disegani di seluruh dunia.

Struktur Pentadbiran ATM

ATM kini yang terdiri daripada Tentera Darat, Laut dan Udara berpusat di Kementerian Pertahanan Malaysia yang terletak di Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur¹² telah menjadi mercu tanda kepada kekuatan dan pertahanan negara.

¹⁰Syed Othman Syed Omar, *Pahlawan Angkatan Tentera Malaysia : Penerima S.P dan P.G.B*, Jil. 1, 1993, hal. xliii.

¹¹*Ibid*, hal. Xlv.

¹²Buku Rasmi, Kementerian Pertahanan Malaysia, Cawangan Perhubungan Awam, Bahagian Pentadbiran Dan Perhubungan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia, hal. 2.

ATM dipimpin oleh seorang Panglima Angkatan Tentera (PAT) yang berpangkat Jeneral. Bagi Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Di Raja Malaysia (TUDM) masing-masing dipimpin oleh panglima-panglima yang berpangkat Leftenan Jeneral. Carta organisasi adalah seperti di **Kembaran A**¹³.

Kini ATM mempunyai 18 Kor dan Rejimen di dalam TDM, lambang-lambang Kor dan Rejimen yang terdapat dalam perkhidmatan TDM adalah seperti di **Kembaran B**¹⁴. Manakala TLDM dan TUDM mempunyai elemen-elemen masing-masing yang berpangkalan di seluruh Malaysia.

Keperluan ATM Kepada Negara

Bermula dengan kompeni percubaan yang serba kekurangan dari segi anggota dan material yang berpusat di Port Dickson pada tahun 1933, kini ATM sudah menjadi sebuah angkatan tentera yang disegani, di samping mempunyai peralatan yang terbaru serta moden setanding dengan kemajuan dunia hari ini.

Kekuatan tentera kita mulai diakui oleh negara-negara di rantau ini. Malah mula mendapat pengiktirafan dunia, apabila beberapa kejayaan telah dicapai, sama

¹³Mustapha Ahmad Merican, *Patriot - Warta Angkatan Tentera Malaysia*, Bil. 1/98, hal. 30.

¹⁴*Ibid.*, Bil. 1/98, hal. 35.

ada melalui latihan bersama dengan tentera negara luar (tentera negara asing) di mana latihan itu dilaksanakan di dalam atau di luar negara.

Perubahan besar berlaku di dalam ATM apabila Parti Komunis Malaya (PKM) telah bersedia meletakkan senjata mereka pada bulan Disember 1989 dan Parti Komunis Kalimantan Utara pada tahun 1990. Perubahan ini telah membawa kepada beberapa perubahan seterusnya dalam ATM¹⁵.

Setelah 63 tahun ATM mula memasuki era baru, dari sebuah angkatan yang kecil sebelum perang dunia, kini memperlihatkan keunggulan dalam penugasannya samada bertugas di dalam negara maupun di luar negara khususnya penugasan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan I-For sekarang. Penglibatan TDM dalam penugasan PBB bermula pada tahun 1960 di Congo dan sekarang ini di Bosnia dan Herzegovina¹⁶. Begitu juga tugas-tugas pemerhati di seluruh dunia di mana berlakunya peperangan dan konflik negara, sehinggakan anggota tentera kita sanggup menggadaikan nyawa demi menjaga keamanan dan keharmonian sejagat. Seperti peristiwa yang telah berlaku kepada TDM ketika berkhidmat di bumi Somalia, di situ seorang perwira negara telah gugur terkorban di Pasar Bakara, Somalia semata-mata ingin melihat keamanan dan kesejahteraan sejagat.¹⁷ Begitu juga yang berlaku di bumi Bosnia dan Herzegovina¹⁸ di mana dua orang pegawai tentera kita telah

¹⁵*Ibid.*, hal. 11.

¹⁶*Ibid.*,

¹⁷Sumber dari Kapten Mokhtarudin bin Hj Shariff, beliau adalah Pegawai KAGAT yang pertama di tugaskan dalam misi pengaman di Somalia pada tahun 1993.

¹⁸Pengalaman penulis semasa berkhidmat dengan MALBAT 1 di Bosnia & Herzegovina pada tahun 1994.

terkorban semasa menjalankan tugas sebagai pemerhati tentera PBB; pengorbanan mereka adalah semata-mata ingin melihat kedamaian dan keamanan dunia. Di sinilah kita dapat melihat betapa besarnya pengorbanan dan sumbangan yang diberikan oleh anggota-anggota tentera bukan sahaja di bumi Malaysia yang tercinta tetapi juga di bumi asing semata-mata ingin melihat dunia ini berada dalam keamanan dan kedamaian.

Tugas-tugas seperti ini bukan sahaja diletakkan di atas bahu TDM sahaja, malah ia juga menjadi tugas bersama kepada TLDM dan TUDM. Ketiga-tiga perkhidmatan inilah yang menghulurkan sumbangan yang terbesar dalam mewarnakan keamanan di negara kita bahkan di rantau dunia. TUDM dan TLDM juga terlibat dalam penghantaran bantuan logistik melalui kapal ke beberapa buah negara seperti Kemboja, Somalia dan Bosnia & Herzegovina.¹⁹

Dalam hubungan kemasyarakatan pula ATM terus menjalankan fungsi dan peranannya untuk terus bersama masyarakat membangunkan negara melalui projek Tentera Bersama Rakyat (TBR), projek-projek ini dilaksanakan berperingkat-peringkat di kawasan yang memerlukan bantuan ATM. Tumpuan projek ini dalam pelbagai bidang seperti membina jambatan, membaiki sekolah, membina rumah rakyat, membina jalan, mengecat sekolah dan pelbagai lagi bantuan yang disumbangkan meliputi semasa kejadian bencana alam.

¹⁹Mustapha Ahmad Merican, *op.cit*, Bil. 6/7/1996, hal. 11.

Penampilan ATM di peringkat antarabangsa menjadi kian terserlah dan peranannya pada masa depan akan lebih penting. Ini berdasarkan kejayaan yang telah dicapai setakat ini yang amat membanggakan. Pada keseluruhannya tanggungjawab dan peranan ATM adalah besar, usaha-usaha pemodenan peralatan ketenteraan haruslah dilihat sebagai positif. Ini adalah kerana pada alaf mendatang, sistem peralatan pertahanan yang lebih canggih akan memainkan peranan penting dalam sesebuah negara, di samping tahap profesionalisme yang tinggi para pegawai dan anggota ATM akan membantu ke arah pemodenan ketenteraan.

Dalam menghadapi abad ke 21 yang lebih mencabar, penduduk dunia berlumba-lumba untuk mempertingkatkan taraf kehidupan mereka, peranan ATM kini sedang bergerak ke hadapan seiring dengan kemajuan pembangunan negara²⁰.

Dalam keadaan dunia hari ini yang sentiasa bergolak, ATM perlu berhati-hati dan perlu bertindak pantas sekiranya sesuatu suasana yang tidak diinginkan berlaku. ATM perlu bersiap sedia dari sekarang²¹. Namun begitu masyarakat hari ini tidak akan dapat melihat peranan dan sumbangan ATM kepada negara apabila mereka dibuai mimpi indah keamanan dan kestabilan negara tetapi sekiranya negara dalam keadaan dan situasi huru-hara seperti zaman pendaratan tentera Jepun pada tahun 1942, penentangan PKM terhadap negara, berlakunya peristiwa 13hb. Mei 1969 dan banyak lagi peristiwa yang mengancam keselamatan dan kedaulatan negara, maka dalam suasana seperti itulah masyarakat akan memikirkan betapa keperluan kepada

²⁰Mustapha Ahmad Merican, *op.cit.* Bil. 1/98, hal. 13.

²¹*Ibid.*, hal. 13.

perkhidmatan pasukan bersenjata terutamanya anggota tentera dan masyarakat akan sedar betapa pentingnya perkhidmatan angkatan tentera kepada sesebuah negara.

Kesimpulan

Oleh itu kewujudan dan penubuhan ATM hendaklah dianggap sebagai sebuah organisasi yang menjadi tulang belakang kepada politik dan kestabilan agama, bangsa dan negara. Sekiranya pertahanan sesebuah negara itu rapuh dan goyah sudah pasti negara mudah diresapi oleh unsur-unsur subversif. Dengan demikian dalam usaha menjaga keutuhan dan ketinggian disiplin di kalangan anggota-anggotanya, maka ATM telah mengadakan undang-undang tentera bagi membendung anggota-anggotanya dari melakukan pelbagai kesalahan yang akan meruntuhkan disiplin dan menjatuhkan maruah negara. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh anggota-anggota tentera yang disabitkan dan bersalahan dengan Akta Angkatan Tentera akan dibicarakan di dalam mahkamah tentera sepertimana yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.